

SULIT



JABATAN PELAJARAN TERENGGANU
TERENGGANU

PEPERIKSAAN PERCUBAAN SPM 2010
BAHASA MELAYU
Kertas 2
Ogos

1103/2

PERATURAN PEMARKAHAN
UNTUK KEGUNAAN GURU / PEMERIKSA SAHAJA

Kertas peraturan pemarkahan ini mengandungi 12 halaman bercetak

[Lihat halaman sebelah

1103/2 (PP)

SULIT

Soalan 1

Markah

Pendahuluan

Petikan membincangkan kesan / gejala / musibah / implikasi negatif penggunaan aplikasi jaringan sosial.

2

Isi Tersurat [4 hingga 12 markah]

1. pelbagai jenayah sosial boleh dilakukan oleh pihak yang tidak bertanggungjawab 2
2. mengundang penyebaran maklumat yang salah kepada golongan masyarakat 2
3. penyebaran maklumat yang bersifat hasutan dan provokasi boleh dilakukan 2
4. boleh mendedahkan kelemahan sesuatu organisasi mahupun negara 2
5. boleh mencuri hasil kerja orang lain atau plagiat 2
6. mewujudkan provokasi negatif terhadap sesuatu agama atau kaum lain 2
7. mampu menggoyahkan keharmonian sesuatu institusi sosial mahupun negara 2
8. dapat membuka peluang kepada kewujudan aktiviti yang melekakan 2
9. boleh menyebabkan ketagihan terhadap penggunaannya 2
10. penyalahgunaan bahasa 2

Isi Tersirat [4 hingga 12 markah]

1. penggunaannya bertujuan baik / berfaedah 2
2. ibu bapa perlu sentiasa memantau penggunaan aplikasi oleh anak-anak 2
3. pemilik kafe siber / masyarakat perlu mempunyai nilai tanggungjawab /beretika 2
4. pihak berwajib perlu menggubal akta pengawalan 2

Kesimpulan

1. Kesimpulannya, semua pihak perlu bekerjasama untuk menangani impak negatif aplikasi jaringan sosial agar keharmonian organisasi dan negara tidak terjejas. 2
2. Semua pihak perlu menyedari impak negatif aplikasi jaringan sosial supaya masyarakat cemerlang dapat dilabirkran. 2

Soalan 2 : Pemahaman**[35 markah]**

Soalan 2(a)

(i) Maksud; - boleh mempengaruhi / menjelaskan ikatan kemesraan / keselesaan hidup

[Maksimum 2 markah]

(ii) Sebab;

- telah memberi pelbagai impak terhadap tahap sosialisasi dan gaya pemikiran individu 1
- digunakan sebagai wahana komunikasi 1
- faktor mesra pengguna 1
- boleh dicapai dengan mudah 1
- boleh dicapai pada bila-bila masa 1
- boleh dicapai di mana-mana 1

[Maksimum 3 markah]

(iii) Cara;

- menjadi sumber rujukan bagi mata pelajaran berkenaan 1
 - berkongsi pendapat dengan rakan tentang sesuatu masalah pembelajaran 1
 - berkongsi minat / hobi masa lapang 1
 - mendapat maklumat kerjaya 1
 - berkongsi bahan pembelajaran secara maya 1
- (Terima cara lain yang sesuai)

[Maksimum 4 markah]**Soalan 2(b) : Petikan Cerpen**

- (i) Gambarkan suasana di pusara ayah dan bonda Annyss.
- ... udara berbau wangi dari pohon dsymma 1
 - ... matahari pagi mula meninggi 1
 - ... rumput menghijau 1
 - ... rumput dibasahi embun pagi 1

[Maksimum : 2 markah]

(ii) Terima lamaran dengan alasan :

- | | |
|--|---|
| ... boleh menjadi permaisuri kerajaan Alstonia | 1 |
| ... Strenn saudara sepupu Annyss dan takhta tidak jatuh ke tangan orang lain | 1 |
| ... boleh merampas kuasa / sebagai strategi untuk menjadi raja nanti | 1 |
| ... peluang menjadi orang yang berkuasa | 1 |
| ... tidak berdaya untuk mencari Eyrique lagi | 1 |

Menolak lamaran dengan alasan :

- | | |
|---|---|
| ... benci akan Strenn / tidak cinta akan Strenn | 1 |
| ... sayang akan Eyrique | 1 |
| ... mahu menunaikan wasiat ayahanda dan bonda | 1 |
| ... yakin akan dapat mencari Eyrique | 1 |
| ... tidak mempercayai Strenn | 1 |

[Maksimum : 3 markah]

(iii) Dua nilai dalam petikan :**... Penyayang :**

Annyss sangat menyayangi ayahnya dan mengambil masa yang lama untuk bertafakur

1+1

... Tidak mudah berputus asa / bertanggungjawab :

Annyss tetap berusaha mencari Eyrique dan akan terus berusaha menjadikan Eyrique sebagai raja

1+1

... Amanah :

Annyss berjanji untuk menunaikan wasiat ayah dan bondanya

1+1

[Maksimum : 2 markah]

Dua nilai dalam cerpen :**... Setiakawan :**

Akmal sanggup ke Alstonia untuk mencari Eyrique

1+1

... Kegigihan :

Annyss berusaha mencari Eyrique walaupun menghadapi pelbagai cabaran

1+1

... Kasih sayang :

Annyss mencari Eyrique kerana sayang akan kembarnya itu..

1+1

... Keberanian :

Annyss dan Akmal berani menentang Strenn dan pengikutnya dalam usaha mencari Eyrique

1+1

... Tegas :

Annyss tidak mudah terpengaruh dengan kata-kata Strenn

1+1

(Terima mana-mana nilai lain yang sesuai)

[Maksimum : 2 markah]

Soalan 2(c) : Petikan Prosa Klasik

i) Maksud *sepala-pala nama jahat jangan kepalang*

- ... Alang-alang berbuat yang tidak baik, lakukan dengan sungguh-sungguh /
tidak berhenti separuh jalan

[Maksimum : 2 markah]

ii) Alasan Hang Jebat terhadap tindakannya

- ... hatinya sakit kerana Hang Tuah yang tidak berdosa dihukum 1
- ... tindakan sultan terhadap Hang Tuah tanpa usul periksa 1
- ... Hang Tuah yang banyak berjasa dan berbakti dihukum 1
- ... Alang-alang menderhaka dan berbuat jahat biarlah mati dengan nama yang jahat 1

[Maksimum : 3 markah]

iii) Tindakan Hang Tuah membunuh Hang Jebat

Wajar :

- ... Hang Tuah perlu mentaati perintah Sultan 1
- ... Hang Jebat telah menderhaka terhadap Sultan 1
- ... Hang Jebat telah berdosa kepada rakyat Melaka 1
- ... Menghentikan keadaan huru-hara 1
- ... Mengembalikan kedudukan Sultan sebagai raja 1
- ... Perbuatan Hang Jebat mengancam keselamatan negeri 1
- ... Ramai rakyat yang tidak berdosa akan menjadi korban 1
- ... Perbuatan menderhaka bertentangan dengan adat dan budaya bangsa Melayu 1

Tidak Wajar :

- ... Tindakan Hang Jebat untuk membela sahabatnya, Hang Tuah 1
 - ... Hang Tuah boleh memohon perkenan Sultan untuk memberi pengampunan kepada Hang Jebat 1
 - ... Semangat setiakawan Hang Jebat patut dihargai 1
 - ... Hang Tuah boleh memujuk Hang Jebat menyerah diri dan memohon diringankan hukuman 1
 - ... Hang Tuah boleh berbincang dengan orang tengah / pihak ketiga 1
 - ... Hang Tuah tidak mengenang jasa Hang Jebat 1
- [Terima alasan lain yang sesuai]

[Maksimum : 3 markah]

Soalan 2(d) : Sajak

i). Pengorbanan penyair terhadap negara.

- ... Penyajak tetap setia tanpa berbelah bahagi / sepenuh hati kepada negara 1
- ... Bersama-sama memajukan negara menuju kegemilangan 1
- ... Tetap bersama-sama negara walaupun pelbagai dugaan mendatang 1

[Maksimum : 2 markah]

ii). Usaha-usaha memupuk semangat cinta akan tanah air dalam kalangan rakyat berbilang kaum

- ... Semua kaum menghayati prinsip Rukun Negara / perlembagaan negara / bendera /lagu kebangsaan 1
- ... Semua kaum menggunakan kurikulum pendidikan yang sama / memantapkan mata pelajaran sejarah, sivik dan kenegaraan 1
- ... Semua kaum menggunakan bahasa kebangsaan 1
- ... Kempen patriotik / iklan / lagu patriotik di media massa melibatkan semua kaum 1
- ... Pelaksanaan Program Latihan Khidmat Negara (PLKN) 1
- ... Penglibatan semua kaum dalam sambutan Bulan Kemerdekaan / Hari Kebangsaan 1
- ... Pelbagai kaum mempelajari dan menghayati sejarah negara 1

(Terima usaha lain yang sesuai)

[Maksimum : 3 markah]

iii) Dua persoalan

... Persoalan taat setia yang tidak berbelah bagi terhadap negara.

Penyajak sanggup berkorban apa-apa sahaja demi negara walau apa-apa jua
cabaran mendatang

1+1

... Persoalan kesanggupan berjuang untuk negara.

Penyajak berjuang untuk negara dan mahu memastikan negara menjadi sebuah
negara yang gemilang

1+1

... Persoalan kesediaan menyumbang tenaga demi menjamin kegemilangan tanah air.

Penyajak sanggup mencurahkan segala ilmu dan tenaga untuk menentukan
negaranya terus mencapai kejayaan

1+1

... Persoalan rintangan dan dugaan merupakan perkara biasa dalam kehidupan.

Penyajak sanggup menghadapi apa-apa juga rintangan untuk membuktikan
kesetiaan kepada negara tercinta.

1+1

[Maksimum : 4 markah]

Soalan 3

Markah penuh **30** markah dibahagikan kepada:

Soalan 3(a)	:	6 markah
Soalan 3(b)	:	6 markah
Soalan 3(c)	:	6 markah
Soalan 3(d)	:	6 markah
Soalan 3(e)	:	6 markah

Perhatian bagi Soalan 3(a)

1. Beri **1 markah** bagi setiap ayat yang betul.
2. Tolak $\frac{1}{2}$ **markah** bagi kesalahan ejaan / **jalan bahasa** / **isi** yang tidak begitu jelas bagi keseluruhan markah jawapan.
3. Perkataan berkenaan digunakan sebagai peribahasa, berikan **0 markah**.
4. Perkataan digunakan sebagai nama khas, berikan **0 markah**.
5. Jika memberi makna dan tepat maknanya, berikan markah penuh **1 markah**.
6. Ayat yang dibina seperti satu ayat tetapi sebenarnya lebih, tolak $\frac{1}{2}$ **markah** bagi setiap ayat.
7. Jika semua perkataan digunakan dalam satu ayat, berikan pertimbangan sebagai satu ayat.
8. Boleh menggunakan struktur cakap ajuk dengan mematuhi tanda bacanya.
9. Isi tidak jelas, tolak $\frac{1}{2}$ markah.
10. Jika menambah imbuhan atau mengubah imbuhan, berikan **0 markah**.

Contoh Jawapan :

- (i) aman - : - bebas daripada keadaan kacau bilau
 - bebas daripada gangguan
 - amanah, pesanan.
- (ii) mengamankan - : - menjadikan aman (tenteram, tenang)
 - kesentosaan, ketenangan, ketenteraman.
- (iii) pengamanan - : - perbuatan (usaha) mengamankan
- (iv) kemas - : - elok dan rapi kesihatannya
 - kuat, teguh, erat.
 - sihat, segar (tubuh)
- (v) mengemaskan - : - menjadikan tersusun
- (vi) pengemaskinian - : - perbuatan (usaha) mengemaskinikan

3(b) :

Markah	Peringkat	Ciri-ciri
5 - 6	Baik	Bentuk cakap ajuk Susunan isi tertib/tersusun Maksud tepat
3 - 4	Memuaskan	Bentuk cakap ajuk Susunan isi masih betul/tersusun Maksud masih tepat
0 - 2	Lemah	Bentuk cakap ajuk/tidak Susunan tidak tersusun Maksud kabur/tidak tepat

Contoh Jawapan

- Ramizah : Hai, Rusini! Mengapakah awak kelihatan muram sahaja?
 Rusini : Entahlah, Ramizah. Sejak akhir-akhir ni, bermacam-macam masalah menimpa keluarga saya. Bingung saya memikirkan bagaimana hendak menyelesaiannya.
 Ramizah : Masalah? Cuba awak berterus-terang dengan saya, manalah tahu saya dapat membantu menyelesaikan masalah awak.
 Rusini : Ayah saya disahkan oleh doktor menghidap penyakit lemah jantung.
 Ramizah : Apa yang penting sekarang, awak mesti sabar menghadapi dugaan Tuhan.
 Rusini : Terima kasih atas nasihat awak itu Ramizah.

3 (c) :

- (i) perlantikan di Pertuan Agong - pelantikan
 - di - Pertuan Agong
- (ii) melepas sekaligus - selepas
 - sekali gus
- (iii) kosmatik disasarkan - kosmetik
 - menyasarkan

3 (d) :

- | | | |
|-------|-------------------------------|----------------------------------|
| (i) | pihak mana-mana
membuatkan | - mana-mana pihak
- melakukan |
| (ii) | mengawasi
dari | - menjaga
- daripada |
| (iii) | di atas
aliran kredit | - dengan
- aliran tunai |

3(e)

(i). *muafakat membawa berkat*

Maksudnya : setuju/seia sekata, sesuatu yang dipersetujui bersama-sama akan membawa berkat/kejayaan

Contoh ayat : "Masyarakat digalakkan mengamalkan muafakat membawa berkat dalam kehidupan harian agar kehidupan mereka lebih harmoni" , kata Datuk Seri Shahrizat Abdul Jalil.

(ii) *ikut rasa binasa, ikut hati mati*

Maksud : Melakukan perbuatan tanpa berfikir akan menyebabkan kesan yang buruk

Contoh ayat : Oleh sebab terlalu mengikut rasa marah setelah dirotan guru disiplinnya akibat berambut panjang, Wan Suhaizal menyepak tiang gol itu sehingga menyebabkan kakinya patah *seperti peribahasa ikut rasa binasa, ikut hati mati*.

(iii) *bagaikan tikus membaiki labu*

Maksud : Menjadikan sesuatu lebih teruk rosaknya

Contoh ayat : Encik Humil meminta pelajarnya bernama Abdul Manaf membaiki komputernya tetapi akhirnya komputer itu semakin rosak teruk dan tidak dapat digunakan sama sekali *seperti peribahasa bagaikan tikus membaiki labu*

Soalan 4 : Markah penuh 15 markah**Perhatian bagi Soalan 4**

1. Jawapan berdasarkan novel yang dipelajari
2. Jawapan bagi (a) mestilah berdasarkan **satu** novel sahaja
3. Jawapan (b) berdasarkan dua buah novel
4. Pemberian markah bahasa berdasarkan *impression*.
5. Markah bahasa tidak boleh melebihi markah isi

Perhatian bagi 4(a)

- (i) Jawapan tepat berdasarkan teks yang dipelajari.
- (ii) Pernyataan mestilah benar dan disokong dengan contoh yang tepat.
- (iii) Berikan 1 markah bagi pernyataan yang benar.
- (iv) Berikan 1 markah bagi huraihan yang tepat berkaitan novel yang dikaji.
- (v) Markah maksimum untuk isi 4 markah dan markah maksimum untuk bahasa 3 markah.

Perhatian bagi 4(b)

- (i) Berikan 2 markah bagi setiap pernyataan.

Jawapan 4(a):**Kesedaran dalam Novel Terminal Tiga**

1. Kesedaran Tentang Kepentingan Ilmu
 - Rimpa sanggup keluar dari kawasan kediamannya di pedalaman Sabah semata-mata mengejar ilmu demi masa depannya. (*Novel Terminal Tiga*)
2. Kesedaran Tentang Kepentingan Hidup Bermasyarakat
 - Rimpa sentiasa menjenguk keluarga Bang Maily ketika dia singgah di Kota Kinabalu sebelum kembali ke kampung halamannya. (*Novel Terminal Tiga*)
3. Kesedaran Tentang Ketabahan Menghadapi Dugaan
 - Rimpa sanggup berulang-alik dari ASK di Kuala Lumpur dan ke Kota Kinabalu untuk mendapatkan biasiswa pengajiannya serta kembali ke kampungnya untuk mencari ayahnya di Nabawan. (*Novel Terminal Tiga*)

(Jawapan-jawapan lain yang sesuai diterima)

Kesedaran dalam Novel Seteguh Karang

1. Kesedaran Tentang Kepentingan Ilmu

- Walaupun Awanis berasa tertekan akan kehilangan kedua-dua orang tuanya dalam kemalangan jalan raya, namun demi kepentingan ilmu dan masa depannya dia tetap meneruskan pengajiannya di ITM Arau, Perlis. (*Novel Seteguh Karang*)

2. Kesedaran Tentang Kepentingan Hidup Bermasyarakat

- Awanis pandai mengambil hati Kak Nor dan keluarganya ketika dia menumpang sepanjang latihan praktikalnya di PPK Hulu Paka. (*Novel Seteguh Karang*)

3. Kesedaran Tentang Ketabahan Menghadapi Dugaan

- Sikap Awanis yang sentiasa tabah menghadapi dugaan ketika saat kematian kedua-dua ibu bapa, sepanjang latihan praktikalnya dan kerena Kak Maysarah. (*Novel Seteguh Karang*)

(*Jawapan-jawapan lain yang sesuai diterima*)

Jawapan 4 (b):**Teknik Imbas Kembali dan Monolog Dalaman dalam Novel**

1. Teknik Imbas Kembali

- Semasa berada di dalam pesawat MH 1626 untuk pulang ke Kota Kinabalu, Rimpa terkenang akan kekecewaan ibunya semasa dia menyatakan hasratnya untuk berhijrah dari daerah kelahirannya. (*Novel Terminal Tiga*)
- Ketika berada di dalam kapal terbang, Rimpa teringat akan Ramon yang memujuknya minum minuman yang memabukkan. (*Novel Terminal Tiga*)
- Kenangan Awanis tentang kehidupan Kak Maysarah sebelum kematian abah dan mama. (*Novel Seteguh Karang*)
- Ketika di kampus ITM, Awanis teringat kembali peristiwa perbincangan tentang soal cinta bersama-sama Maria dan Syakila. (*Novel Seteguh Karang*)

2. Teknik Monolog Dalaman

- Rimpa tertanya-tanya dalam hatinya tentang sebab Bang Maily hanya tersenyum dan sering melengah-lengahkan usaha untuk membantunya memeluk Islam, sedangkan dia benar-benar serius untuk berbuat demikian. (*Novel Terminal Tiga*)
- Rimpa berkata-kata dalam hatinya mengenai rancangannya untuk ke lapangan terbang lebih awal supaya tidak terperangkap dalam kesesakan lalu lintas. (*Novel Terminal Tiga*)
- Awanis memprotes dalam hati mengenai sikap Encik Johari yang menyakitkan hatinya. (*Novel Seteguh Karang*)
- Awanis berasa kecewa dengan sikap Kak Maysarah yang sentiasa murung dan tidak menghiraukan adik-adiknya, selepas kematian kedua-dua orang tuanya. (*Novel Seteguh Karang*)
(Jawapan-jawapan lain yang sesuai diterima)

SKEMA PEMARKAHAN TAMAT